

**UNTUK SIARAN SEGERA**

---

## **KESUMA PERLUAS INTERVENSI PEKERJAAN DAN KEMAHIRAN BAGI MEMPERKUKUH KETAHANAN TENAGA KERJA NEGARA**

---

**KUALA LUMPUR, 14 JUN 2026** : KESUMA memandang serius peningkatan kes kehilangan pekerjaan (Loss of Employment, LOE) yang direkodkan dalam beberapa sektor ekonomi sepanjang lima bulan pertama tahun 2026. Sehubungan itu, pelbagai langkah intervensi telah dan sedang dipergiat bagi membantu pekerja yang terjejas mendapatkan pekerjaan baharu, meningkatkan kemahiran serta memperkukuh daya tahan pasaran buruh negara dalam menghadapi krisis geopolitik global.

Berdasarkan statistik Sistem Insurans Pekerjaan (SIP), seramai 38,953 individu direkodkan mengalami kehilangan pekerjaan bagi tempoh Januari hingga Mei 2026. Analisis menunjukkan sebahagian besar kes melibatkan pekerja berumur antara 25 hingga 39 tahun. Mengikut jantina, lelaki mencatatkan 23,536 kes atau 60.4 peratus, manakala wanita merekodkan 15,417 kes atau 39.6 peratus.

Kehilangan pekerjaan sepanjang tempoh tersebut tertumpu dalam beberapa sektor utama ekonomi, khususnya sektor pembuatan, perdagangan borong dan runcit serta pembaikan kenderaan bermotor, selain aktiviti pentadbiran dan khidmat sokongan. Keadaan ini sebahagian besarnya dipengaruhi oleh langkah penstrukturan semula

organisasi dan pelarasan operasi perniagaan yang dilaksanakan oleh syarikat bagi menyesuaikan diri dengan persekitaran ekonomi semasa.

Walaupun berdepan cabaran tersebut, pasaran buruh Malaysia kekal menunjukkan ketahanan yang kukuh. Pada April 2026, jumlah tenaga buruh negara mencecah 17.33 juta orang dengan kadar pengangguran kekal rendah pada 3.0 peratus. Kadar penyertaan tenaga buruh (LFPR) pula berada pada 70.9 peratus, merangkumi 82.9 peratus bagi lelaki dan 57.3 peratus bagi wanita. Prestasi ini mencerminkan asas pasaran buruh yang masih kekal stabil dan berdaya tahan.

Pada masa yang sama, KESUMA terus memantau secara rapi perkembangan ekonomi dan geopolitik global, termasuk ketidaktentuan yang berpotensi memberi kesan kepada sektor tenaga dan rantai bekalan antarabangsa. Langkah pemantauan ini penting bagi membolehkan intervensi awal dilaksanakan untuk mengurangkan risiko terhadap pekerjaan serta memastikan tenaga kerja negara kekal berdaya saing dan bersedia menghadapi perubahan pasaran.

Peningkatan kes kehilangan pekerjaan juga menuntut usaha mempercepatkan peralihan tenaga kerja ke sektor yang mempunyai permintaan lebih tinggi. Memandangkan sebahagian besar individu yang terjejas terdiri daripada golongan muda dan berkeelayakan, tumpuan diberikan kepada penyelarasan kemahiran dengan keperluan industri masa hadapan melalui program peningkatan kemahiran dan latihan semula (Reskilling & Upskilling).

Pekerja turut digalakkan memanfaatkan platform seperti Labour Market Exchange (LMX) dan MYFutureJobs Galaxy bagi mendapatkan maklumat pasaran buruh yang lebih komprehensif serta merancang laluan kerjaya yang bersesuaian. KESUMA memperkukuh daya tahan pasaran buruh melalui sokongan menyeluruh kepada pekerja yang terjejas.

Bagi memastikan pekerja yang terjejas mendapat sokongan menyeluruh, KESUMA melaksanakan pelbagai inisiatif berteraskan tiga fokus utama:

1. **Peralihan Kerjaya & Profil Pekerja / Sokongan Kerjaya:** Platform MYFutureJobs menghubungkan pekerja LOE dengan jawatan bersesuaian. Maklumat pasaran buruh diperoleh melalui LMX dan MYFutureJobsGalaxy, membolehkan pekerja membuat keputusan kerjaya berasaskan data, memahami keadaan pasaran semasa, serta merancang laluan kerjaya yang kompetitif dan fleksibel.
2. **Program Peningkatan Kemahiran (Reskilling & Upskilling):** PERKESO menyediakan program latihan untuk membina kemahiran baharu atau meningkatkan kemahiran sedia ada, selaras dengan keperluan sektor yang berkembang, membolehkan pekerja menyesuaikan diri dengan permintaan industri dan meningkatkan kebolehpasaran.
3. **Intervensi Awal untuk Sektor Kritikal:** PERKESO mengenal pasti sektor yang berpotensi terjejas dan melaksanakan intervensi awal, bagi memastikan pekerja dapat menyesuaikan diri dengan cepat, memanfaatkan peluang peralihan kerjaya, dan memperkukuh daya saing mereka.

KESUMA terus memantau trend pasaran buruh secara berterusan dan bekerjasama dengan pihak berkepentingan bagi merangka intervensi menyeluruh, mengurangkan impak kehilangan pekerjaan, dan memperkukuh daya saing tenaga kerja negara dan memastikan setiap pekerja yang terjejas mendapat sokongan sewajarnya.

**-TAMAT-**

**YB DATO' SRI RAMANAN RAMAKRISHNAN**

**MENTERI SUMBER MANUSIA**

**14 JUN 2026**